

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melaksanakan pelbagai kaedah bagi membersihkan jalan dan lorong 'belakang' di ibu kota yang terkenal dengan aktiviti pelacuran.

Antara usaha 'pembersihan' yang diatur termasuk pengindahan fizikal menerusi pembukaan kafe, kedai makanan dan galeri oleh anak muda.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, pihaknya sedang jalankan pembersihan dan pengindahan lorong belakang dan akan digantikan dengan penggiat kafe atau kedai makan oleh anak muda atau galeri.

"Kita beri insentif. Kita ingin jadikan kawasan ini seperti di Paris dengan menukarnya kepada aktiviti lain, mungkin juga kita letakkan mural.

"Apabila kawasan ini sudah terang dan bersih, saya harap aktiviti pelacuran tiada lagi ataupun dapat dikurangkan," katanya melalui program 'Podcast BH, Borak Harini: 'Kuala Lumpur di Tangan Maimunah' yang mula disiarkan semalam.

Pada masa sama, Maimunah berkata, pihaknya juga akan mengusahakan supaya aspek penguatkuasaan ditingkatkan secara bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen terhadap rumah pelacuran di ibu negara.

Ini kerana punca kuasa DBKL hanya membabitkan premis dan lesen operasi,



**“
Kita beri insentif.
Kita ingin jadikan
kawasan ini seperti
di Paris dengan
menukarnya kepada
aktiviti lain
Maimunah**

Ganti dengan kafe, galeri

DBKL sedang bersihkan jalan, lorong 'belakang' yang terkenal dengan aktiviti pelacuran

sebaliknya jika ia berkaitan aspek lain seperti pekerja asing dan jenayah, ia di bawah bidang kuasa PDRM dan Jabatan Imigresen.

"Masa saya berjumpa dengan Ketua Polis Daerah Dang Wangi yang baharu (Asisten Komisioner Sulizmie Affendy Sulaiman), saya ada cadangkan mari kita lakukan operasi secara bersepadu.

"Ia memang sudah ada tetapi hendak kerapkan lagi sebab (DBKL) nak tangkap tak boleh, kalau buat bersepadu dan berterusan,

mungkin (pelacuran) boleh dikurangkan walaupun susah dihapuskan," katanya.

Julai lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan tidak menolak kemungkinan wujudnya elemen sogokan sehingga menyebabkan pusat pelacuran di ibu kota sukar dihapuskan.

Beliau bagaimanapun berkata, kerajaan pimpinannya sudah mengambil tindakan agak keras sejak tahun lalu bagi menangani isu terbabit.

Menyentuh aspek pelancungan, Maimunah berkata, beliau mahu tarikan di ibu kota adalah berteraskan pendekatan yang sihat dan bersih.

Katanya, ia termasuklah kewujudan rumah urut atau spa yang beroperasi secara sah tanpa adanya elemen negatif.

"Kita mahukan rumah urut yang 'bersih' dan teratur, itu adalah tarikan pelancongan tetapi mesti berjalan dalam landasan perundangan bukan sebaliknya," katanya.